

93
NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]

TARIKH : 23.10.2017

SOALAN : 34

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pelaksanaan cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) untuk menggubal satu akta dan/atau peruntukan berkaitan salah laku penjawat awam (misconduct for civil service act), supaya sesiapa yang menyebabkan kerugian besar dalam dana awam boleh dihadapkan dengan pertuduhan jenayah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat,

SPRM telah mengemukakan cadangan supaya diwujudkan peruntukan baru mengenai salah laku penjawat awam. Bagaimanapun, pihak Jabatan Peguam Negara telah meminta supaya SPRM melaksanakan kajian yang lebih menyeluruh dan terperinci mengenai peruntukan baru tersebut sebelum mengesyorkan supaya ianya dimasukkan dalam Akta SPRM 2009.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]
TARIKH : 23 OKTOBER 2017 [ISNIN]
SOALAN : 35

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan "The Mind Centre" di kawasan Sepanggar bagi memenuhi keperluan graduan cemerlang meningkatkan kemahiran dan kebolehan inovasi mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) tidak mempunyai perancangan untuk menujuhkan The Mind Centre di kawasan Sepanggar.

Walau bagaimanapun, MOSTI pada ketika ini sedang meneliti dan mengkaji kesesuaian melaksanakan model *Centre for Creative Economy & Innovation* (CCEI) yang dilaksanakan di Republik Korea dalam menerokai dan membangunkan industri baharu berdasarkan kreativiti, idea dan teknologi penduduk tempatan.

Sekian, terima kasih.